**SULIT**
**5226/1**
**Tasawwur Islam**
**Kertas 1**
**Ogos 2019**
**1 ¼ Jam**

Nama : ________________________

Tingkatan : _____________________

**Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu**

*MPP 3*
*SPM*
*2O19*

---

**TASAWWUR ISLAM**

**Kertas 1**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nama dan tingkatan** *anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas ini mengandungi dua bahagian.* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
3. *Jawab* **semua** *bahagian dalam kertas soalan ini.*
4. **Bahagian A** *mengandungi* **20** *soalan.Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 9 dalam kertas soalan ini.*
5. **Bahagian B** *mengandungi* **20** *soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
6. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan* **Bahagian A** *dan 45 minit untuk* **Bahagian B.**

| ***Untuk Kegunaan Pemeriksa*** | | |
|---|---|---|
| **Bahagian** | **Markah** | |
| **A (Soalan 1-20)** | **20** | |
| **B (Soalan 21-40)** | **20** | |
| **JUMLAH** | **40** | |

---

Disediakan Oleh:
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

Dibiayai Oleh:
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**
**ANJUNG ILMU**

**BAHAGIAN A**
(20 markah)

1 Pernyataan berikut menerangkan keistimewaan insan **kecuali**
A Menjadi rasul
B Menjadi khalifah
C Mempunyai fizikal
D Memiliki sifat ketaatan

2

| Perkara Ghaib | Pengertian |
|---|---|
| **X** | Hari kehancuran dan kemusnahan alam |
| Syurga | Tempat yang indah dan dipenuhi dengan segala nikmat yang menyeronokkan untuk orang yang taat dan patuh kepada perintah Allah SWT. |

Ruang **X** di atas merujuk kepada
A Alam Kebangkitan
B Hari Kiamat
C Alam Barzakh
D Hari Hisab

3 Perkara ghaib menjadi rahsia Allah SWT. Antara sebab Allah SWT merahsiakan alam ghaib ialah
I Mempertingkatkan ilmu pengetahuan
II Menunjukkan kekuasaan Allah SWT
III Menilai sejauh mana ketaatan
IV Menguji keikhlasan hamba

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

4 Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu.

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian
A Thabat
B Murunah
C Rabbaniyyah
D Syumuliyyah

5 Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi.
Pernyataan di atas menerangkan tentang
A Thabat
B Murunah
C ‘Alamiyyah
D Syumuliyyah

6 Berikut ialah hak- hak rakyat dalam sistem pemerintahan Islam, **kecuali**
A Hak mendapat jaminan keselamatan
B Hak mendapat pendidikan
C Hak memilih pemerintah
D Hak menerima harta

**[Lihat halaman sebelah]**

 *© 2019 Hak Cipta JPNT* 

7

> Firman Allah SWT yang bermaksud:
> Allah SWT perintahkan kamu mengenai pembahagian harta pusaka untuk anak- anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan.
>
> Surah An- Nisa', 4: 11

Peranan dan kepentingan hadis kepada nas di atas ialah
A menguatkan hukum-hukum yang terdapat dalam nas
B menghuraikan nas- nas yang mujmal atau ringkas
C mentakhsiskan maksud nas yang umum
D membatasi hukum nas yang mutlak

8 Antara sifat perawi hadis sahih ialah
I adil
II dhabit
III thiqah
IV fasik

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV




9 T dalam rajah di atas merujuk kepada
A Matlamat Sistem Kehakiman
B Prinsip Kehakiman Islam
C Matlamat Negara Islam
D Prinsip Negara Islam

- Pengakuan
- Kesaksian
- Pembuktian

10 Pernyataan di atas merujuk kepada
A Kelayakan Hakim
B Prinsip Kehakiman
C Peraturan Keterangan
D Kepentingan Institusi Kehakiman

11 Matlamat perundangan Islam adalah untuk memelihara perkara berikut **kecuali**
A Adat istiadat
B Harta benda
C Kehormatan diri
D Kesucian agama

**[Lihat halaman sebelah]**

12 Berikut yang manakah bukan hukum jenayah Islam?
A Diat
B Qisas
C Takzir
D Enakmen

13 Penyelesaian masalah secara Islam perlu dilaksanakan supaya
A Kemiskinan dapat dihapuskan
B Kesemua ajaran dapat diamalkan
C Kesaksamaan sosial dapat ditegakkan
D Kedudukan dan pangkat dapat dikekalkan

14 Manakah antara berikut ciri- ciri kesempurnaan ibadat
I Memenuhi tuntutan syarak
II Niat ikhlas kerana Allah SWT
III Ihsan semasa melakukan ibadat
IV Melakukan ibadat secara berjemaah

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

- Memperkukuhkan keperibadian muslim
- Meneguhkan keimanan dan ketakwaan
- Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan Islam

15 Pernyataan di atas menerangkan tentang
A Ciri penyelesaian masalah menurut Islam
B Kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam
C Langkah menyelesaikan masalah menurut Islam
D Contoh dalam penyelesaian masalah menurut Islam

16 Berikut ialah kesan menceburi bidang pekerjaan yang halal kepada akhlak seseorang, **kecuali**
A dihormati oleh masyarakat
B tidak mudah berputus asa
C memajukan ekonomi
D jiwa menjadi tenang

17 Setiap masalah adalah ujian daripada Allah SWT.
Bagaimanakah anda menghadapi ujian tersebut?
I Bertawakal kepada Allah SWT
II Berdoa kepada Allah SWT
III Pasrah dengan takdir
IV Muhasabah diri

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

**[Lihat halaman sebelah]**

- Memaksimumkan produktiviti yang berkualiti
- Berdisiplin dan menepati masa
- Perancangan yang betul
- Bekerja kerana Allah SWT

18 Pernyataan di atas merujuk kepada
A etika kerja Islam
B matlamat bekerja
C tuntutan bekerja
D budaya kerja Islam

19 Kelebihan bekerja kerana Allah SWT terhadap hasil kerja ialah
A meningkatkan mutu barangan
B bermotivasi dalam menyahut cabaran
C amanah dalam melakukan pekerjaan
D meningkatkan kos pengeluaran barangan

20. Antara yang berikut yang manakah kesan ketiadaan pengiktirafan hak milik?
A Manusia semakin gigih berusaha mendapatkan harta
B Tidak dapat mewariskan harta kepada warisnya
C Bebas mengguna dan memanfaatkan harta
D Memenuhi keperluan diri dan keluarga

**[Lihat halaman sebelah]**

 *© 2019 Hak Cipta JPNT* 

Untuk kegunaan Pemeriksa

## Bahagian B

[20 markah]

**Soalan 21 hingga 24**

*Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.*

21 Kesalahan yang tidak ditetapkan oleh syarak tetapi diserahkan kepada hakim untuk memutuskannya berdasarkan al Quran dan al Hadis. [ ] 1

22 Menggunakan kemahiran dan kepakaran untuk memperoleh keuntungan peribadi dengan cara yang salah. [ ] 1

23 Sistem organisasi sosial yang menganjurkan supaya sumber- sumber kekayaan dijadikan hak milik negara. [ ] 1

24 Sebuah masyarakat yang hidup sayang menyayangi dan hormat menghormati antara satu sama lain [ ] 1

**Soalan 25 hingga 28**

*Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan jawapan yang sesuai.*

25 Ibadat ________________ lebih merujuk kepada amal kebaikan yang melibatkan individu dengan Allah SWT. 1

26 Masyarakat memerlukan ___________________ untuk mengatur perhubungan dan menghukum sesiapa yang menyeleweng. 1

27 Isteri yang __________________ dapat mengendalikan tanggungjawab dengan baik dan sempurna. 1

28 _______________ ialah tingkah laku, etika, moral atau sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang. 1

 © 2019 Hak Cipta JPNT 

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

**Soalan 29 dan Soalan 30**
*Tulis jawapan yang betul.*

| Hukum | Implikasi Melakukan Hukum |
|---|---|
| R | Menghalang seseorang daripada mendapat pahala |
| S | Hilangnya rahmat dan petunjuk daripada Allah SWT |

Jadual di atas berkaitan dengan kesan melakukan sesuatu hukum.

29 R ialah ____________________ 1

30 S ialah ____________________ 1

**Soalan 31 dan Soalan 32**
*Tulis jawapan yang betul.*

| Jenis Muamalah | Penerangan |
|---|---|
| P | Akad jual beli barangan tertentu |
| Q | Suatu akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dalam sesuatu kegiatan ekonomi dan berkongsi keuntungan. |

31 P ialah ____________________ 1

32 Q ialah ____________________ 1

**Soalan 33 dan 34 berdasarkan Carta A dibawah.**
*Carta A di bawah merujuk kepada perlakuan dalam penyelesaian masalah*.




**Carta A**

33 **V** ialah____________________ 1

34 **W** ialah____________________ 1

**[Lihat halaman sebelah]**

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

**Soalan 35 dan Soalan 36**
*Tulis jawapan yang betul berdasarkan carta B di bawah.*




**Carta B**

35 **T** ialah ______________________________________ 1

36 **U** ialah ______________________________________ 1

**Soalan 37 hingga soalan 40**

*Tandakan (√) pada penyataan yang betul.*
*Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.*

37 Majlis syura terdiri daripada khalifah dan gabenor. ☐ 1

38 Pemikiran yang menjurus kepada kebenaran adalah pemikiran menepati syariat. ☐ 1

39 Manusia diamanahkan untuk mentadbir alam mengikut keperluan dan kepentingan manusia. ☐ 1

40 Persamaan sistem muamalah konvensional dengan sistem muamalah Islam ialah memenuhi keperluan hidup manusia. ☐ 1

**KERTAS SOALAN TAMAT**

| MARKAH BAHAGIAN B |
|---|
| |

**[Lihat halaman sebelah]**

# KERTAS JAWAPAN

## Bahagian A

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

| MARKAH BAHAGIAN A |
|---|
| |